

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	02 MARCH 2017

Malaysia-Arab Saudi tingkat semangat persaudaraan

BH- 2/3/2017

➔ Kedua-dua negara sepakat negara Islam bekerjasama tangani isu keganasan, amalan berpuak

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bh.com.my

Putrajaya

Penubuhan Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman yang dipersetujui dalam pertemuan dua hala Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud dengan Datuk Seri Najib Razak, Isnin lalu akan diselaraskan dalam tempoh 90 hari.

Keputusan yang diumumkan Isnin lalu dalam perjumpaan tertutup antara Raja Salman dan Perdana Menteri itu akan dilaksanakan secara kerjasama membabitkan Pusat Peperangan Intellektual, Kementerian Pertahanan Arab Saudi; Pusat Pertahanan, Kementerian Pertahanan Malaysia; Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Liga Muslim Sedunia.

Semua institusi berkenaan diberi tempoh 90 hari untuk menzahirkan semua pengurusan bagi penubuhan pusat terbabit, bermula dari tarikh pengumuman di Seri Perdana.

Perkara itu dimaklumkan dalam

kenyataan bersama Arab Saudi-Malaysia semalam, sebagai penutup tirai lawatan Raja Salman ke Malaysia selama empat hari, yang mana isu berkaitan negara Islam sejagat menjadi antara agenda utama perbincangan.

Gembleng kerjasama negara Islam

Dalam kenyataan itu, kedua-dua pihak sependapat mengenai keperluan meningkat dan menggembleng kerjasama negara Islam bagi menentang keganasan serta menolak amalan berpuak, seterusnya menggerakkan usaha selaras dengan matlamat dan tujuan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) bagi mencapai keamanan serta keselamatan global.

Kedua-dua pihak juga bersetuju fenomena keganasan tidak wajar dikaitkan dengan bangsa, warna kulit atau agama kerana adalah lebih penting bagi meningkatkan usaha sama menentang keganasan dalam apa sahaja bentuk dan penampilan, tidak kira dari mana asalnya.

Selain itu, kedua-dua pihak turut



Anugerah diterima Raja Salman

➔ **Anugerah Darjah Utama Seri Mahkota Negara (DMN)** disampaikan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V

➔ **Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dan Anugerah Pencapaian Cemerlang Sepanjang Hayat** daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

➔ **Ijazah Kehormat Doktor Persuratan** daripada Universiti Malaya (UM)

membicarakan isu politik Asia Barat terutama pergolakan di Palestin, yang mana penekanan khusus diberi terhadap keperluan mencapai keamanan menyeluruh, berkekalan dan saksama sebagai rumusan menyelesaikan masalah seperti terkandung dalam Inisiatif Keamanan Arab serta resolusi berkaitan.

Arab Saudi dan Malaysia turut menekankan kepentingan menyelesaikan krisis di Syria berasaskan kenyataan Geneva 1 dan Resolusi 2254 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) terutama dari segi bantuan kemanusiaan dan sumbangan amal kepada pelarian Syria.

Raja Salman, Penjaga Dua Masjid Suci di Makkah dan Madinah, turut menjunjung kasih kepada Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V.

Raja Salman juga turut berterima kasih kepada Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri serta semangat persaudaraan rakyat Malaysia atas sambutan diberikan kepada baginda dan rombongan.